



BARU!

MEMBANGUNKAN PELAN PENGGANTIAN: STRATEGI DAN TEKNIK PELAKSANAAN

8-9 MEI 2023

KOTA KINABALU, SABAH

PAKEJ A
MYR 3,800

* Yuran termasuk penginapan dari
7 Mei hingga 10 Mei (bilik seorang), kit program,
makan & minum dan sijil penyertaan, SST 6%

PAKEJ B
MYR 2,000

* Yuran termasuk kit program,
makan & minum dan sijil penyertaan
dan SST 6%

“ Apabila tiba masa melaksanakan penggantian untuk jawatan strategik, keputusan yang bakal dilakukan banyak bergantung kepada perancangan dan tindakan yang telah organisasi lakukan sebelumnya. ”

MyWorkprofiling[©]

MyCPD[™]
Pembangunan Profesional Berterusan

MyTalent[©]

MyHR[©]

SKKF[©]
Sistem Kehadiran
Kerja Fleksi



Pengurusan **pelan penggantian** adalah perkara strategik dalam merangka masa hadapan yang perlu diberi perhatian oleh setiap organisasi. **Pelan penggantian** ialah proses mengenalpasti dan membangunkan bakat dalam kalangan kakitangan sesebuah organisasi bagi mengisi jawatan-jawatan strategik dan kritikal organisasi tersebut. Pengurusan **pelan penggantian** yang komprehensif akan dapat menjamin kelestarian kepimpinan sesuatu organisasi dalam jangka sederhana dan panjang. Apabila tiba masa melaksanakan penggantian untuk jawatan strategik, keputusan yang bakal dilakukan banyak bergantung kepada perancangan dan tindakan yang telah organisasi lakukan sebelumnya.

Persoalannya, apakah strategi yang boleh digunakan dalam membangunkan pengurusan **pelan penggantian**? Apakah teknik yang boleh diaplikasikan untuk membolehkan **pelan penggantian** itu dapat dijadikan rujukan kepada pengurusan organisasi dalam membuat keputusan pengisian jawatan-jawatan kritikal dalam sesuatu organisasi? Program ini direkabentuk khusus untuk menjawab persoalan tersebut.

MATLAMAT PROGRAM

Pada akhir program ini, peserta akan dapat;

- Memahami keperluan dan kepentingan pengurusan pelan penggantian
- Memahami elemen penting dalam pengurusan pelan penggantian
- Menguasai konsep 9 kotak dalam pelan penggantian
- Memahami kaedah pengurusan data dan sistem pengurusan pelan penggantian
- Merangka pelan tindakan

KANDUNGAN PROGRAM

- Pengenalan kepada pengurusan bakat dalam organisasi
- Lima strategi utama pembangunan pelan penggantian
- Konsep '9 kotak' (*'nine-box'*) dalam pelan penggantian
- Pengurusan data bakat dan sistem pelan penggantian
- Analisis jurang
- Membangunkan pelan tindakan

METODOLOGI

Program ini menggunakan gabungan kaedah ceramah, perbincangan kumpulan dan kajian kes.

SIAPA PATUT HADIR

- Pegawai Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54) yang terlibat dalam pengurusan dan pembangunan bakat organisasi
- Penyelia Kumpulan Pelaksana
- Individu yang berminat

BIODATA PEMUDAHCARA

Dato' Dr. Musa Ali pada masa kini adalah Pendaftar, Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau juga merupakan pengasas dan Pengarah Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA), Universiti Sains Malaysia (USM) sejak 2012. Melalui PIPPA, beliau telah berjaya membangunkan rangkaian antarabangsa dengan pelbagai agensi dari Eropah, Timur Tengah, Australia, Jepun dan Amerika Syarikat. Rangkaian ini membolehkan beliau bekerja dengan pakar pengurusan dan pengamal di peringkat antarabangsa terutamanya dalam bidang kepakarannya, pengurusan prestasi organisasi dan individu. Beliau memiliki ijazah kedoktoran dalam pengurusan sumber manusia dari Murdoch University, Australia. Beliau juga adalah penerima *scholarship* dari Centre for Creative Leadership, Amerika Syarikat dan '*certified facilitator*' *Benchmarks*[®], *SKILLSCOPE*[®], *Prospector*[®], *360 BY DESIGN*[®], *Executive Dimension*[®] dan *KEYS*[®].



Beliau pernah bertugas sebagai perunding sumber manusia di sebuah jabatan kerajaan tempatan di Australia dan terlibat dalam membangunkan kerangka kompetensi untuk jabatan berkenaan. Di samping sibuk dengan tugas rutin sebagai pentadbir, beliau juga aktif menulis dan sehingga kini telah menulis beberapa buah buku. Antara bukunya ialah "Transformasi Pengurusan Latihan Sektor Awam" yang telah dilancarkan oleh Menteri Pengajian Tinggi pada tahun 2008. Pada tahun 2015 beliau kemudiannya menghasilkan buku "Transformasi Organisasi: Konsep dan Teknik Pelaksanaan" dan buku itu kemudiannya telah

diterjemahkan ke dalam tiga bahasa lain iaitu bahasa Inggeris (2016), bahasa Arab (2020) dan bahasa Jepun (2021) dengan kerjasama Penerbit USM, Penerbit USIM, Educational Competency Consortium (UK) serta Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Buku dalam bahasa Arab itu telah mendapat kelulusan Kementerian Media, Arab Saudi untuk edaran di Arab Saudi dan buku bahasa Jepun yang diterbitkan dengan kerjasama Japan Malaysia Association (JMA) dipasarkan di Jepun oleh pengedar buku terkenal Kinokuniya. Pada tahun 2022, beliau telah menghasilkan buku autobiografinya berjudul "Sirap Limau Ais: Memoir Seorang Pentadbir" yang dilancarkan pada Mac 2022. Di samping itu, beliau juga telah berjaya membangunkan empat aplikasi sumber manusia berasaskan web iaitu myCPD™ (dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada tahun 2008), mytalent© (sistem pelan penggantian), myworkprofiling© dan myHR© yang kini digunakan oleh pelbagai agensi. Atas jasa dan sumbangannya beliau telah menerima pelbagai pengiktirafan dan anugerah. Terkini, beliau telah dipilih oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) sebagai penerima Anugerah Khas CUEPACS sempena sambutan Hari Pekerja yang diadakan pada 1 Mei 2022.

TESTIMONI PESERTA

MEMBANGUNKAN PELAN PENGGANTIAN: STRATEGI DAN TEKNIK PELAKSANAAN




Mohd Firdaus Ab Latif
Kementerian Pengangkutan

“Kursus Pembangunan Pelan Penggantian ini merupakan kursus paling lengkap pernah dihadiri oleh saya berkaitan pelan penggantian. Kursus ini menyentuh teori dan paling penting, panduan praktikal dengan ‘template’ dan strategi pelaksanaan yang bermanfaat untuk dilaksanakan dalam organisasi. Sesi-sesi latihan dan perkongsian oleh PIPPA mendedahkan saya kepada senario sebenar cabaran pelaksanaan pelan penggantian yang amat membantu dalam mengenalpasti isu-isu berbangkit dan kaedah penyelesaian.”



Suziana Baharom Ulom
Jabatan Perdana Menteri

“Program ini telah memberikan pendedahan dan meningkatkan lagi pemahaman peserta berhubung strategi dan teknik pelaksanaan pelan penggantian yang lebih sistematik. Program ini juga boleh dijadikan sebagai panduan kepada Pengurus Sumber Manusia dari pelbagai agensi dalam merancang Pelan Penggantian yang lebih komprehensif untuk jangka masa panjang,”



Noorul Akmam Sumiran
Kementerian Pengajian Tinggi

“Program ini sangat membantu saya selaku pengurus sumber manusia untuk memahami dengan lebih jelas berkenaan teknik mengenalpasti pegawai yang berkecualan bagi mengisi jawatan strategik di agensi untuk memastikan kesinambungan halatuju agensi supaya tidak berlaku pembaziran sumber.”



BORANG PENDAFTARAN

MEMBANGUNKAN PELAN PENGGANTIAN: STRATEGI DAN TEKNIK PELAKSANAAN

8-9 MEI 2023
KOTA KINABALU

* Pihak penganjur berhak untuk meminda yuran, jadual, tarikh, tempat, membatalkan, dan/atau menamatkan penyertaan peserta, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu.

Tarikh Tutup Pendaftaran
2 MEI 2023



Hubungi kami
+019.480.4304 (Fadzli) / +016.686.8076 (Firdaus)



Emel
pippa@usm.my

Simpan bahagian ini dan fakskan kepada PIPPA

Bagaimana memohon? Isi borang di bawah.

BIL	NAMA	JAWATAN	TEL. BIMBIT	EMEL	*PAKEJ	
					A	B

*Sila tanda (x) di ruang berkenaan

Maklumat Pentadbiran:

ORGANISASI : _____ PEGAWAI MELULUSKAN : _____

ALAMAT : _____

TEL : _____ FAKS : _____ E-MEL : _____

• Bayaran boleh dibuat melalui Cek I Pesanan Kerajaan I Draf Bank atas nama USAINS HOLDING SDN. BHD. dan hantar ke:
Pusat Inovasi & Produktiviti Pentadbiran Awam, Level 2, Bangunan Toray, USM, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.

• PIPPA berhak meminda jadual serta kandungan program tanpa sebarang notis awal. Yuran adalah tertakluk di bawah terma dan syarat digariskan dalam Polisi Pendaftaran PIPPA.

• Caj 100% akan dikenakan terhadap sebarang pembatalan selepas surat pengesahan penyertaan dikeluarkan oleh pihak penganjur.

MyWorkprofiling ©

MyCPD™
Pembangunan Profesional Berterusan

MyTalent ©

MyHR ©

SKKF ©
Sistem Kehadiran
Kerja Fleksi